



KAUNTER pendaftaran penyertaan Larian HQE 2017 akan dibuka setiap hari waktu pejabat.

Orang ramai dipelawa sertai Larian HQE pada 18 November

KOTA KINABALU: Orang ramai sekitar di Bandaraya Kota Kinabalu dan berhampiran dipelawa untuk menyertai Larian HQE 2017 sejauh 10km anjuran Persatuan Kebajikan dan Kebudayaan Hospital Queen Elizabeth (HQE) pada 18 November depan.

Pengerusi program Jackson Taguah berkata, Larian HQE 2017 itu merupakan sebahagian usaha pihak hospital mempromosi amalangayahidupsihatdalam kalangan warga Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan masyarakat sekeliling di samping mengumpul dana bagi usaha penyelenggaraan bangunan taska HQE.

Katanya, larian amal itu dijadualkan seawal jam 6 pagi bermula di ruang bangunan bertingkat letak kereta HQE.

“Lokasi larian tertumpu di sekitar laluan Jalan Pintas menuju ke Austral Park, Jalan Lintas Lido, Taman Foh Sang sehinggalah sepanjang Jalan Kebajikan sebelum menghala balik ke lokasi penamat larian di ruang letak kereta yang sama,” katanya.

Beliau yang juga Ketua Penolong Pengarah Pengurusan HQE berkata, tarikh tutup pendaftaran penyertaan ditetapkan pada 31 Oktober.

Pendaftaran boleh dilakukan secara on-line di <http://hqe.moh.gov.my/larianhqe2017> ataupun

mendaftar terus di kaunter pendaftaran lobi utama bangunan berkembar HQE pada waktu pejabat.

“Pihak penganjur turut mengadakan pelbagai aktiviti sebelum dan selepas larian termasuklah senaman kesihatan, pameran, gerai jualan serta cabutan tiket bertuah pada majlis penyampaian hadiah.

“Melalui program larian amal ini, kita bukan sahaja dapat mewujudkan hubungan lebih erat di antara warga KKM dengan orang awam sebaliknya membangkitkan semangat dan usaha ke arah amalan gaya hidup sihat dalam kalangan masyarakat serta mengumpul dana bagi penyelenggaraan pembangunan taska HQE seperti yang di rancang,” tambahnya.

Keterangan lanjut berhubung Larian HQE 2017 boleh hubungi Novolin Jou di talian 013 8877798 ataupun Normah Abd Ghafur (016 6608379) dan Merlinda W Bernard (016 8314917), atau khidmat talian HQE 088-51755 sambungan 7576.

